

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 3 (73)

1 Oktober 2024
27 Rabi'ul Awal 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 30/2024

PENYERAGAMAN STRUKTUR FAKULTI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat Bil.11, Sesi 2023/2024 pada 28 Ogos 2024 dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bil. 16 pada 11 September 2024 telah meluluskan Penyeragaman Struktur Fakulti dan Sekolah berstatus fakulti di Universiti Teknologi Malaysia. Penyeragaman struktur fakulti ini melibatkan semua entiti akademik kecuali Sekolah Pendidikan Profesional Dan Pendidikan Berterusan (SPACE UTM).

2. Objektif utama penyeragaman struktur fakulti ini adalah bagi memastikan fakulti dapat beroperasi secara optima dengan sumber yang sesuai. Pada masa yang sama memastikan fakulti dapat mematuhi tata kelola, berupaya mengekalkan standard kualiti program dan perkhidmatan yang ditawarkan sepertimana ditetapkan. Penyeragaman ini menyediakan fakulti untuk lebih kompetitif terhadap penciptaan ilmu dan penawaran bidang baharu di masa hadapan.

3. Penyeragaman struktur fakulti ini berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2024** menggunakan struktur seperti di **Lampiran 1**. Walau bagaimanapun, penempatan sumber manusia dan pelantikan pentadbir akademik di setiap fakulti akan dibuat secara berperingkat mengikut jadual gerak kerja seperti di **Lampiran 2**. Kesemua jawatan yang dilantik di dalam struktur baharu ini adalah mengikut tempoh yang akan diperincikan di dalam surat lantikan dan terma rujukan jawatan.

4. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai penyeragaman struktur fakulti di Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,




(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

LAMPIRAN 1 : STRUKTUR FAKULTI



LAMPIRAN 2 : SENARAI JAWATAN DI FAKULTI DAN FASA PERUBAHAN/ TRANSISI

	Fasa 1 : Bermula 1 November 2024
	Fasa 2 : Bermula 1 Januari 2025
	Fasa 3 : Proses Transisi Selama Dua (2) Tahun

Jawatan Sedia Ada	Jawatan Baharu	Fakulti	Tindakan	Fasa
Dekan	Seperti Sedia Ada	Semua Fakulti	Penyandang sedia ada dikekalkan	Fasa 1
Timbalan Dekan Akademik	Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar	Semua Fakulti	- Penyandang sedia ada dikekalkan - Penjenamaan jawatan dengan nama baharu - Pelantikan mengikut tempoh sedia ada	Fasa 1
Timbalan Dekan Penyelidikan	Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi dan Pembangunan	Semua Fakulti	- Penyandang sedia ada dikekalkan - Penjenamaan jawatan dengan nama baharu - Pelantikan mengikut tempoh sedia ada	Fasa 1
Penolong Dekan Hubungan Luar dan Global	Pengurus Hubungan Luar dan Global	FABU, FS dan FSSH	Penyandang sedia ada dikekalkan dan diberi penjenamaan baharu mengikut tempoh pelantikan sedia ada	Fasa 1
		Fakulti Lain	Iklan jawatan akan diiklankan dengan nama jawatan baharu	Fasa 1
			Pelantikan jawatan dengan nama Pengurus Hubungan Luar dan Global	Fasa 2
Penolong Dekan Kualiti dan Strategi	Pengurus Kualiti dan Strategi	FABU, FS dan FSSH	Penyandang sedia ada dikekalkan dan diberi penjenamaan baharu mengikut tempoh pelantikan sedia ada	Fasa 1
		Fakulti Lain	- Penyandang sedia ada dikekalkan - Pelantikan mengikut tempoh sedia ada	Fasa 1
		MJIIT	- Iklan jawatan akan diiklankan dengan nama jawatan baharu - Pelantikan jawatan dengan nama Penolong Dekan Kualiti dan Strategi	Fasa 2
	Pengurus Kualiti dan Strategi	Semua Fakulti	Peralihan jawatan kepada staf PPP	Fasa 3

Jawatan Sedia Ada	Jawatan Baharu	Fakulti	Tindakan	Fasa
Penolong Dekan (Pendidikan Berterusan dan Transnasional)	Pengurus Akademik Program Luar	FABU, FS dan FSSH	Penyandang sedia ada dikekalkan dengan diberi penjenamaan baharu mengikut tempoh pelantikan sedia ada	Fasa 1
		AHIBS dan MJIT	Tidak terlibat	Fasa 1
		Fakulti Lain	Penyandang sedia ada dikekalkan mengikut tempoh sedia ada	Fasa 1
Pengurus Akademik (Pasca Siswazah)	Pengurus Akademik dan Hal Ehwal Pelajar Pasca Siswazah	Semua Fakulti	- Penyandang di kalangan Pentadbir Akademik akan kekal sehingga tempoh sedia ada - Jawatan akan disandang oleh staf PPP selepas tamat tempoh lantikan Pentadbir Akademik	Fasa 2
Pengurus Akademik (Pra Siswazah)	Pengurus Akademik dan Hal Ehwal Pelajar Pra Siswazah	Semua Fakulti*	- Pelantikan staf PPP mulai 1 Mac 2025 - Timbalan Pendaftar akan bertanggungjawab menjalankan tugas Pengurus Akademik dan Hal Ehwal Pelajar Pra Siswazah sementara tempoh transisi	Fasa 2
Ketua Jabatan	Seperti Sedia Ada	Semua Fakulti	Penyandang sedia ada dikekalkan mengikut tempoh sedia ada	Fasa 1
Penyelaras Program	Seperti Sedia Ada	Semua Fakulti	- Penyandang sedia ada dikekalkan mengikut tempoh sedia ada - Nama jawatan dan kemudahan elaun akan diperincikan	Fasa 1
Pengurus Penyelidikan (RM) / Pengurus Pengetahuan (KMO)		Semua Fakulti	- Penyandang di kalangan Pentadbir Akademik akan kekal sehingga tempoh sedia ada - Pelantikan staf PPP di kalangan pegawai Skim Q atau Skim S mulai 1 November 2024	Fasa 1
Pengurus Makmal		FS	- Pelantikan Pentadbir Akademik kekal sehingga 31 Disember 2024 - Pelantikan staf PPP Skim C mulai 1 Januari 2025	Fasa 2
		FAI dan Fakulti Komputeran	Cadangan untuk melantik F41 untuk mengurus makmal komputer	Fasa 2
		Fakulti lain	Pelantikan staf PPP di kalangan pegawai Skim J, F atau C mulai 1 Januari 2025	Fasa 2

Jawatan Sedia Ada	Jawatan Baharu	Fakulti	Tindakan	Fasa
Timbalan Pendaftar	Pengurus Eksekutif	Semua Fakulti	• Kekal dengan penyandang sedia ada • Pelantikan akan dibuat secara bertempoh • Sementara transisi Pengurus Kualiti kepada staf PPP belum dilaksanakan, TP akan dipertanggungjawab menjalankan tugas Pengurusan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar Pra Siswazah	Fasa 1
Penolong Pegawai Tadbir	Pegawai Eksekutif	Semua Fakulti	• Pelantikan staf PPP di kalangan pegawai Skim N mulai 1 Mac 2025	Fasa 2
-	Pegawai Eksekutif Kewangan	Semua Fakulti	• Pelantikan staf PPP di kalangan pegawai Skim W mulai 1 Januari 2025	Fasa 2
Pengurus Fasiliti	Pegawai Eksekutif Fasiliti	Semua Fakulti	• Pelantikan staf PPP di kalangan pegawai Skim J mulai 1 Januari 2025	Fasa 2
Pengurus Teknologi Maklumat	Pegawai Eksekutif Teknologi Maklumat	Semua Fakulti	• Penyandang sedia ada dikekalkan	Fasa 1
Pengurus Sumber Manusia		Semua Fakulti	• Kekal dengan penyandang sedia ada	Fasa 1